



INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA

SURAT ARAHAN PENGARAH INSTUN BILANGAN 3 TAHUN 2008

MODUL PENGURUSAN INTEGRITI

TUJUAN

1. Surat Arahan Pengarah INSTUN ini bertujuan untuk pelaksanaan **Modul Pengurusan Integriti** dalam kursus-kursus yang dilaksanakan oleh INSTUN.

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) pada 25 Mac 1999 telah bersetuju supaya mewajibkan **Modul Pengurusan Integriti** dalam kursus-kursus untuk anggota sektor awam. Modul ini merupakan satu pakej latihan yang lebih komprehensif kerana menggabungkan aspek perundangan, teori dan praktikal.
3. Modul ini adalah selaras dengan tujuan yang terkandung dalam Arahan YAB Perdana Menteri No.1 tahun 1998 berkaitan dengan Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia. Arahan ini menghendaki supaya usaha-usaha pembanteras rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa ditangani secara menyeluruh, bersepadu dan terancang serta merangkumi bukan sahaja aspek pencegahan rasuah tetapi juga aspek kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti dalam pentadbiran kerajaan.
4. Arahan ini selaras dengan resolusi dan rumusan Badan Pencegah Rasuah (BPR) di Persidangan Pentadbir Tanah Ke-15 di Port Dickson pada 25-27 November 2007 dan saranan YB. Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar.(NRE) pada 9 Jun 2008 di Mesyuarat Kumpulan Fokus Bersama YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE).

PELAKSANAAN MODUL PENGURUSAN INTEGRITI

5. Pelaksanaan Modul Pengurusan Integriti adalah seperti berikut:

Tajuk Modul

6. Modul Pengurusan Integriti

Objektif Modul

7. Objektif utama Modul adalah untuk:
 - i. Meningkatkan kefahaman mengenai usaha-usaha memantapkan keutuhan pengurusan pentadbiran Kerajaan selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 1998;
 - ii. Menyedarkan peserta kepada kesan-kesan buruk jenayah rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa kepada negara dan menyemaikan perasaan benci dan jijik terhadap jenayah rasuah serta mengambil langkah-langkah untuk mencegahnya;
 - iii. Meningkatkan kemahiran peserta mengenai cara-cara menangani, menghindari dan mengambil tindakan mengatasi masalah rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa; dan
 - iv. Menggerakkan tindakan yang lebih berkesan untuk meningkatkan kerjasama bagi pencegahan dan pembanterasan rasuah secara bersepadu dan tersusun.
8. Objektif modul ini merangkumi aspek penting dalam latihan iaitu pengetahuan, sikap dan kemahiran.

Kumpulan Sasaran

9. Kumpulan sasaran adalah terdiri dari peserta-peserta yang menghadiri kursus di INSTUN.

Tanggungjawab Ketua Bahagian

10. Setiap Ketua Bahagian hendaklah memastikan bahawa slot Modul Pengurusan Integriti dimasukkan dalam semua kursus yang dilaksanakan oleh Bahagian Tanah, Teknologi Maklumat, Ukur dan Pemetaan INSTUN dan tempoh masa slot ini adalah sekurang-kurangnya 2 jam. Namun begitu, kemasukan slot ini ke dalam program kursus dan tempoh slot **tertakluk pada kesesuaian kursus serta budi bicara Ketua Bahagian sendiri**. Umpamanya slot ini tidak sesuai untuk kursus tertentu seperti kursus penyelenggaraan komputer dan sebagainya.

Tenaga Pengajar

11. Tenaga Pengajar untuk Modul Pengurusan Integriti adalah terdiri dari Pegawai Badan Pencegah Rasuah, Institut Integriti Malaysia (IIM), Biro Pengaduan Awam (BPA), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan pegawai-pegawai yang mempunyai kemahiran dalam bidang Integriti.

Kandungan Modul

12. Kandungan Modul yang disyorkan adalah seperti berikut:

- i. Pengenalan asas kepada Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 1998 dan Pelan Integriti Nasional (PIN);
- ii. Kesan-kesan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa;
- iii. Contoh-contoh kesalahan di Pejabat Tanah / PTG Negeri / Pejabat JUPEM dll) dalam konteks bidang tanah, ukur dan pemetaan serta teknologi maklumat;
- iv. Tindakan mengelak perlakuan salahlaku dan kaedah pelaporan perlakuan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa melalui:
 - Menjaga taraf hidup;
 - Mengelakkan dari hutang dan terhutang budi;
 - Bagaimana berkata ‘tidak’ kepada perlakuan-perlakuan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa;
 - Bagaimana membuat laporan salahlaku dan perlindungan yang diberi kepada pelapor;
- v. Penipuan dalam urusan pentadbiran tanah/ ukur dan pemetaan/ teknologi maklumat - kelemahan, amalan terbaik dan cadangan mengatasinya;
- vi. Penipuan dalam urusan tanah/ ukur dan pemetaan/ teknologi maklumat - isu dan penyelesaian.

TARIKH KUAT KUASA

13. Surat Arahan ini berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“MENDAHULUI CABARAN”



(HJ. ZAINAL ABIDIN BIN HJ. ARSHAD)

Pengarah
Institut Tanah dan Ukur Negara
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Tarikh: 20 Jun 2008

Semua Pegawai/Kakitangan INSTUN